Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Jabatan Akauntan Negara Malaysia no rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/5(19) bertarikh 15 Mei 2019 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, sehingga kini masih berlaku ralat-ralat WPUA semasa proses bayaran pukal di Pejabat Perakaunan. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh PTJ dalam menangani isu ralat tersebut yang memerlukan tindakan PTJ seperti berikut:

| Perkara | Punca Ralat dan Tindakan PTJ |
|---|---|
| a) **Ralat Amaun Berbeza dengan WPUA** | **Punca Ralat**:<br>**Penggunaan jenis kod dan kod akaun yang salah bagi SST** iaitu PTJ memilih Jenis Kod 01 (Kod akaun B0221106) seperti di bawah: |




WPUA

| Bil | Nama Penumpang | Tarikh/ Masa Ketibaan | Kelayakan Tambang | Berat Bagasi Berlebihan | Perjalanan Dari Ke | Kod Jenis | Kod Akaun | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MOHAMMAD | 16022019/1405 | H | | KUL-BKI | 01 | B0221106 | 503.00 |
| 2 | MOHAMMAD | 19022019/1510 | H | | BKI-KUL | 01 | B0221106 | 503.00 |
| 3 | MOHD ZAWA | 16022019/1405 | H | | KUL-BKI | 01 | B0221106 | 503.00 |
| 4 | MOHD ZAWA | 19022019/1510 | H | | BKI-KUL | 01 | B0221106 | 503.00 |
| 5 | SST | 16022019/0000 | H | | KUL-BKI-KUL | 01 | B0221106 | 122.64 |
| 6 | CUKAI L/TERBANG | 16022019/0000 | H | | KUL-BKI-KUL | 02 | B0221199 | 80.00 |
| Disahkan bahawa jumlah tanggungan untuk perjalanan ini telah diperakaunkan dalam buku vot di bawah pecahan kepala seperti di atas dan peruntukan adalah mencukupi. | | | | | | | Jumlah (RM) | 2,214.64 |

Nota : - # Medan ini tidak perlu diisi bagi Waran Perjalanan Udara Awam yang tidak melalui bayaran pukal.

* Potong yang mana tidak berkenaan.

| | | |
|---|---|---|
| | | **<u>Tindakan PTJ</u>**:<br>Memastikan penggunaan **Jenis kod dan kod akaun yang betul bagi *Sales and Service Tax* (SST) iaitu Jenis Kod: 02(Kod Akaun: B0221199)** |
| **b)** | **Ralat Kod Akaun Berbeza/ Kod Akaun Pukal Berbeza/ Nombor Waran Berbeza dengan WPUA** | **<u>Punca Ralat</u>:**<br>**Kesilapan kunci masuk kod-kod yang dinyatakan (Kod Akaun Berbeza/ Kod Akaun Pukal Berbeza/ Nombor Waran Berbeza dengan WPUA) oleh pihak agensi pengembaraan (travel agent).** Penggunaan sistem yang tidak berintegrasi seperti GTS1.0 bagi Malaysia Airline Berhad (MAB) dan juga sistem agensi Air Asia Berhad dan Malindo Air menyumbang kepada ralat ini kerana kunci masuk maklumat waran di dua (2) sistem iaitu iGFMAS (oleh PTJ) dan sistem agensi (oleh agensi pengembaraan).<br><br>**<u>Tindakan PTJ</u>:**<br>**PTJ disyorkan menggunakan GTS 2.0 bagi WPUA MAB.** Sekiranya PTJ menggunakan GTS 2.0, **terdapat maklumat pada ruangan ID tempahan dan juga maklumat pada Kod Agensi Pengeluar Tiket adalah nama Agensi Penerbangan di portal iGFMAS.** |
| **c)** | **Ralat Waran Pesanan telah dibatalkan** | **<u>Punca Ralat</u>:**<br>Terdapat situasi **WPUA dibatalkan setelah berstatus 80 dan tiket telah dikeluarkan oleh agensi pengembaraan. Pembatalan dibuat melalui telefon oleh PTJ dengan agensi pengembaraan** dan pada masa yang sama **bil pukal telah dicaj oleh agensi setelah tiket dikeluarkan.**<br><br>**<u>Tindakan PTJ</u>:**<br>**PTJ hendaklah mengelakkan perkara ini daripada berlaku** kerana bayaran atas pembatalan tiket hanya boleh dilakukan melalui proses *refund* dan ianya mengambil masa. **Sekiranya berlaku, PTJ perlu membuat susulan dengan agensi penerbangan bagi mengelakkan proses *refund* terlepas pandang.** |
| **d)** | **Pemantauan Bayaran Balik bagi *No Show Passenger*** | **<u>Tindakan PTJ</u>:**<br>Bayaran balik bagi *No Show Passenger* hendaklah dipantau dan disusuli dengan pihak agensi penerbangan bagi memastikan bayaran balik tersebut diproses segera. |

Sekian, terima kasih.

**Bahagian Akaun**
**Kementerian Kesihatan Malaysia**
**11 Jun 2019**